

Subi Punting HBM



Tuan/Puan

Pelaksanaan Tandatangan Faksimili
Aturan 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980
Aturan 6(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pindaan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 2000 dan Pindaan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 2000 telah memasukkan definisi tandatangan sebagai berikut:

"Sign" in relation to the signing of any document by the Registrar includes the affixing of facsimile signature;

3. Sehubungan dengan itu Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan supaya dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah ini digunakan tandatangan faksimili:

- I. Writ Saman
- II. Writ Pelaksanaan
- III. Writ Penyitaan dan Penjualan
- IV. Writ Distres
- V. Petisyen
- VI. Usul Pemula
- VII. Saman Pemula
- VIII. Saman (termasuk Mahkamah Tuntutan Kecil)
- IX. Saman Interplider
- X. Permohonan Pemula

4. Tuan/puan juga boleh menggunakan tandatangan faksimili keatas dokumen undang-undang yang lain seperti sapina, notis perbicaraan dan sebagainya. Walau bagaimanapun tuan/puan hendaklah memastikan supaya cop tandatangan faksimili ini dikawal penggunaannya. Sila pastikan bahawa dokumen-dokumen yang hendak digunakan tandatangan faksimili ini telah disemak sewajarnya sebelum tandatangan faksimil diturunkan.

5. Bersama ini disertakan cop tandatangan faksimili untuk tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah


b/p | (MAT ZARAAI BIN ALIAS)

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Hakim Kanan
Mahkamah Sesyen
Shah Alam/Ipoh/Georgetown

Ketua Penolong Pengarah (A)
Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Pegawai Undang-Undang
Bahagian Penyelidikan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

 Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

MZA/fz